

## 'Bekalan beras di Beaufort cukup'

Published on: Sunday, April 05, 2020

By: Ahmad Apong



**PENGUATKUASA KPDNHEP memeriksa beras yang dibekalkan.**

**BEAUFORT:** Bekalan beras di daerah ini adalah mencukupi, kata Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Beaufort, Fikri Lai Abdullah.

Bagaimanapun, katanya, kekurangan bekalan beras di pasaraya dan kedai-kedai runcit adalah berikutkan pembelian oleh wakil rakyat untuk diagihkan kepada rakyat memerlukan.

"Kekurangan itu amat ketara kerana diberong oleh wakil rakyat, bagaimanapun stok beras akan tiba bila-bila masa saja daripada pembekal," katanya ketika dihubungi Daily Express, pada Sabtu.

Beliau mengulas aduan di media sosial mengenai kekurangan bekalan beras di daerah itu.

Difahamkan, cuma beras mahal seperti beras wangi yang terdapat di pasaraya-pasaraya di daerah itu ketika ini.

Timbalan Presiden Persatuan Bisaya Bersatu Sabah, Ruslan Muhamram berkata, beliau mendapati bekalan beras di pasaraya semakin berkurangan.

"Hanya beras mahal saja yang dijual sedangkan rakyat tidak mampu membelinya.

"Justeru itu, saya minta KPDNHEP agar memantau bekalan ini kerana kita khuatir golongan miskin tidak dapat membelinya.

"Saya difahamkan kebanyakan beras yang berharga RM26 untuk 10 kilogram diborong oleh wakil rakyat untuk diagihkan kepada rakyat di DUN Lumadan dan Klias," katanya, dan menambah, yang tinggal hanyalah beras wangi berharga RM48 ke atas.

<http://www.dailyexpress.com.my/news/150191/bekalan-beras-di-beaufort-cukup-/>

